

Soalan 2 Kertas 2 PEMAHAMAN

Untuk memperoleh markah yang cemerlang dalam Soalan 2 iaitu antara 30-35 markah, para pelajar hendaklah memastikan bahawa anda semua telah:

- a. membaca petikan yang diberi dan memahami petikan tersebut sepenuhnya.
- b. membaca setiap soalan (dalam kumpulan 2a,2b,2c,2d) dan mengetahui bahawa jumlah soalan bahagian ini ialah 12 soalan dengan jumlah markahnya 35 markah.
- c. memahami arahan/tugasan setiap soalan dengan jelas serta mencari isi/klu yang menjawab kehendak soalan
- d. mengemukakan jawapan yang tepat dan lengkap bagi setiap soalan dengan menjadikan asas 1 isi 1 markah.
- e. mengemukakan huraian/contoh yang jelas dan tepat terutama untuk soalan yang memerlukan huraian/penjelasan
- f. mengemukakan jawapan yang bebas daripada sebarang kesalahan tatabahasa.
- g. membaca teks Harga Remaja dan Dirgahayu Bahasaku sepenuhnya.
- h. mengemukakan pendapat dengan matang dan bernas.
- i. menulis jawapan dalam bentuk perenggan dan bukannya berbentuk poin.
- j. menulis jawapan dengan tulisan yang kemas dan mudah dibaca
- k. memperuntukkan masa lebih kurang 55-60 minit untuk menjawab soalan bahagian ini.